**PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB - UNTUK INDIVIDU**

9 SEPTEMBER 2020

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| **1** | Adakah program moratorium automatik 6 bulan akan dilanjutkan? | Program moratorium automatik 6 bulan akan **berakhir pada 30 September 2020.** |
| **2** | Bagaimanakah cara CIMB membantu pelanggan mereka? | Sejajar dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Julai 2020, kami akan beralih ke pendekatan bantuan secara bersasar di mana kami akan menawarkan bantuan kepada pelanggan yang paling terjejas.<br><br>Kami menawarkan pilihan bantuan seperti berikut untuk menolong pelanggan yang terdedah dan terjejas akibat impak dari pandemik:<br>• Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan (bermula dari 1 Januari 2020).<br>• Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan.<br><br>Bantuan juga akan dihulurkan kepada para pelanggan yang terjejas walaupun tidak tergolong dalam mana-mana kategori seperti yang tertera di atas, berdasarkan kes demi kes. |
| **3** | Siapakah yang layak menerima bantuan bersasar ini? | Semua pelanggan yang impak dari pandemik dan kini berdaftar di bawah program moratorium automatik 6 bulan. |
| **4** | Apakah produk pinjaman/pembiayaan yang termasuk dalam program ini? | Program Bantuan Bersasar CIMB ini ditawarkan untuk produk-produk bagi pelanggan individu seperti berikut:<br>• Pembiayaan Perumahan,<br>• Pembiayaan ASB,<br>• Pembiayaan Peribadi (Pinjaman Xpress Cash, Pembiayaan-i Xpress Cash, Pinjaman Cash Plus & Pembiayaan-i Cash Plus) dan,<br>• Pembiayaan Auto |
| **5** | Adakah pinjaman/pembiayaan di bawah pelepasan progresif layak menyertai program ini? | Ya, jika anda turut terjejas dan memerlukan bantuan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03 62047788 |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

| | | |
|---|---|---|
| | | atau e-mel kami di covidcare@cimb.com atau mengunjungi cawangan kami.<br><br>Kami akan menghubungi anda melalui telefon dalam tempoh masa 7 hari bekerja. |
| **6** | Bilakah program ini akan bermula? | Program ini akan bermula pada Oktober 2020, setelah tamatnya program moratorium automatik 6-bulan. |
| **7** | Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen? | Ya, anda perlu mengemukakan dokumen sokongan yang berikut.<br><br>Untuk **yang kehilangan pekerjaan**, anda boleh menyerahkan mana-mana dokumen yang berikut:<br>• Surat pemberhentian kerja dari majikan<br>• Penyata KWSP yang terkini<br>• Kelulusan untuk Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) / Bukti bayaran SIP<br><br>Untuk **individu bergaji/bekerja sendiri yang mengalami pendapatan yang berkurangan**, anda boleh menyerahkan mana-mana dokumen berikut::<br>• Slip gaji/penyata akaun semasa perniagaan bagi 3 bulan terkini<br>• Dokumentasi lain yang membuktikan pengurangan pendapatan tersebut |
| **8** | Bagaimanakah caranya untuk saya menyerahkan dokumen tersebut? | Anda boleh menyerahkan dokumen sokongan secara:<br><br>• Mengunjungi cawangan kami<br>• Emel kami di covidsupportdoc@cimb.com. (nombor akaun pinjaman/pembiayaan anda tertulis di dokumen sokongan) |
| **9** | Saya mempunyai sebilangan pinjaman/pembiayaan dengan CIMB, adakah bantuan ini layak untuk semua pinjaman/pembiayaan atau untuk beberapa sahaja? | Sila maklum kami pinjaman/pembiayaan mana yang anda perlukan bantuan. |
| **10** | Buat masa ini, saya tidak berdaftar untuk Program Moratorium Automatik 6 Bulan ini; adakah saya masih layak menerima bantuan bersasar tersebut? | Sekiranya anda menghadapi kesukaran dalam memenuhi komitmen bulanan anda, sila hubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai pilihan bantuan bayaran. |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

| | | |
|---|---|---|
| **11** | Apakah yang akan berlaku setelah Program Moratorium 6 bulan CIMB berakhir? | Sekiranya anda tidak memilih untuk mendapatkan bantuan bayaran, sila bayar ansuran bulanan anda mulai Oktober 2020. |
| **12** | Berapakah perlu saya bayar sebaik tamatnya moratorium? | Kami akan menghantar notifikasi sebelum moratorium automatik ini berakhir.<br><br>Buat sementara ini, anda boleh log masuk ke Clicks untuk menyemak amaun bayaran ansuran bulanan untuk 1 October 2020.<br><br>Anda boleh menghubungi Pusat Pelanggan kami di 03 6204 7788 atau e-mel kepada covidcare@cimb.com , jika anda tidak menerima notifikasi sebelum 30 September 2020. |
| **13** | Adakah ianya lebih baik atau tidak untuk saya menyertai Program Bantuan Bersasar CIMB ini? | Kami ingin anda membuat keputusan yang tepat dan telah menyediakan butiran-butiran yang patut dipertimbangkan di dalam jadual A-C. |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

**Jadual A: Pembiayaan Perumahan dan Pembiayaan ASB – Membuat keputusan yang tepat**

| Pembiayaan Perumahan dan ASB | Program Bantuan Bersasar | |
|---|---|---|
| | Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan (bermula dari 1 Januari 2020). | Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan. |
| Bayaran | Tiada bayaran bagi 3 bulan yang berikutnya dari Oktober hingga Disember 2020.<br><br>Anda perlu mula membayar semula ansuran bulanan pada Januari 2021. | Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan. |
| Faedah/ Keuntungan yang perlu dibayar | Sama seperti moratorium automatik 6 bulan yang anda ambil (1 April 2020 hingga 30 September 2020), faedah/ keuntungan akan terakru sepanjang tempoh ini. | Jumlah faedah/ keuntungan terakru yang dikenakan semasa moratorium automatik 6 bulan (1 April 2020 hingga 30 September 2020) akan ditambahkan ke baki prinsipal anda.<br><br>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan yang perlu dibayar bagi 6 bulan yang berikutnya akan digunakan untuk melangsaikan faedah/ keuntungan untuk bulan tersebut dahulu, dan kemudiannya baki prinsipal.<br><br>Setelah berakhirnya 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan anda berdasarkan surat pemberitahuan yang akan dikirimkan kepada anda. |
| Pelanjutan Tempoh | Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan. | Tiada lagi pelanjutan di bawah program ini. |
| Amaun terakhir yang lebih tinggi pada tarikh kematangan (maturity date) | Anda mungkin akan diminta untuk membayar amaun terakhir yang lebih tinggi pada tarikh kematangan. | Amaun terakhir tidak akan meningkat pada tarikh kematangan. |
| Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini. | ✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 3 bulan.<br><br>✓ Jumlah faedah/caj keuntungan akan meningkat apabila anda menyertai program ini. | Anda mendapat kelegaan dalam jangka masa yang pendek kerana hanya perlu membayar amaun yang lebih kecil.<br><br>Anda membayar lebih kerana sebab-sebab yang berikut:<br>✓ Faedah/caj keuntungan anda sepanjang 6 bulan yang lepas telah terakru.<br>✓ Anda akan membayar untuk tempoh masa yang lebih panjang. |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

**Jadual B: Pembiayaan Peribadi – Membuat keputusan yang tepat**

| Jenis Pinjaman / Pembiayaan Peribadi | Pinjaman Cash Plus / Pinjaman Xpress Cash (Konvensional) | | Pembiayaan Cash Plus / Pembiayaan Xpress Cash (Islam) | |
|---|---|---|---|---|
| **Tawaran Program** | **Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan (bermula dari 1 Januari 2020).** | **Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan.** | **Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan (bermula dari 1 Januari 2020).** | **Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan.** |
| Bayaran | Tiada bayaran selama 3 bulan bermula dari Oktober hingga Disember 2020.<br><br>Anda perlu mula membayar ansuran bulanan anda pada Januari 2021. | Anda akan membayar jumlah ansuran yang lebih rendah kerana kami akan melanjutkan tempoh pinjaman anda sehingga 10 tahun, berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2020. | Tiada bayaran selama 3 bulan bermula dari Oktober hingga Disember 2020.<br><br>Anda perlu mula membayar ansuran bulanan anda pada Januari 2021. | Kami akan menutup akaun pembiayaan yang sedia ada dan membuka akaun pembiayaan baru dengan amaun ansuran yang lebih rendah. Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan sehingga 10 tahun, berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2020.<br><br>Nota: Aqad (Kontrak) baru akan dilaksanakan melalui panggilan bersama dengan pihak kami. |
| Faedah/ keuntungan yang perlu dibayar | Sama seperti moratorium automatik 6 bulan yang anda ambil (1 April 2020 hingga 30 September 2020), faedah akan terakru sepanjang tempoh ini. | Jumlah faedah terakru yang dikenakan sepanjang moratorium 6 bulan (1 April 2020 hingga 30 September 2020) akan ditambah kepada baki prinsipal anda pada 31 Mac 2020.<br><br>Baki prinsipal baru anda adalah seperti berikut: **Faedah terakru 6 bulan** + **Baki pinjaman tertunggak** (pada 31 Mac 2020). | Sama seperti moratorium automatik 6 bulan yang anda ambil (1 April 2020 hingga 30 September 2020), caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh ini. | Jumlah caj keuntungan yang dikenakan sepanjang moratorium 6 bulan (1 April 2020 hingga 30 September 2020) akan ditambah kepada baki prinsipal anda pada 31 Mac 2020.<br><br>Baki prinsipal baru anda adalah seperti berikut: **Caj keuntungan 6 bulan** + **Baki pembiayaan tertunggak** (pada 31 Mac 2020).<br><br>Caj keuntungan akan dikenakan |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Faedah akan dikenakan berdasarkan baki prinsipal baru. | | berdasarkan baki prinsipal baru. |
| Tempoh | Tempoh pinjaman anda akan dilanjutkan. | Berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020, tempoh pinjaman akan dilanjutkan selama sehingga 10 tahun. | Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan. | Berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020, tempoh akaun pembiayaan baru adalah sehingga 10 tahun. |
| Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini. | ✓ Tempoh pinjaman anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan.<br><br>✓ Pembayaran anda akan bersambung semula pada Januari 2021. | Anda mendapat kelegaan dalam jangka masa yang pendek kerana hanya perlu membayar amaun yang lebih kecil.<br><br>Dalam jangka masa yang lebih panjang, anda membayar lebih kerana sebab-sebab yang berikut:<br>✓ Faedah anda sepanjang 6 bulan yang lepas telah terakru.<br><br>✓ Anda akan membayar untuk tempoh yang lebih panjang. | ✓ Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan.<br><br>✓ Pembayaran anda akan bersambung semula pada Januari 2021. | Anda mendapat kelegaan dalam jangka masa yang pendek kerana hanya perlu membayar amaun yang lebih kecil.<br><br>Dalam jangka masa yang lebih panjang, anda membayar lebih kerana sebab-sebab yang berikut:<br>✓ Kadar keuntungan anda sepanjang 6 bulan yang lepas telah terakru.<br><br>✓ Anda akan membayar untuk tempoh masa yang lebih panjang. |

**Jadual C: Pembiayaan Auto – Membuat keputusan yang tepat**

| **Jenis Pinjaman / Pembiayaan** | **Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan (bermula dari 1 Januari 2020).** | **Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan.** |
|---|---|---|
| Faedah/ keuntungan ("Caj Terma") yang perlu dibayar | Sama seperti moratorium automatik 6 bulan yang anda ambil (1 April 2020 hingga 30 September 2020), | Jumlah faedah terakru/caj keuntungan yang dikenakan sepanjang moratorium 6 bulan (1 April 2020 hingga 30 September 2020) akan ditambah kepada baki prinsipal anda pada 31 Mac 2020. |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

| | | |
|---|---|---|
| | i. Untuk Kadar Tetap: Tiada faedah/ caj keuntungan tambahan akan dikenakan.<br><br>ii. Untuk Kadar Berubah: Faedah/caj keuntungan akan terus terakru dari Oktober hingga Disember 2020 dan perlu dibayar semasa pembayaran penyelesaian penuh akaun Pinjaman/Pembiayaan Auto, yang mana amaun tersebut tidak melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli. | Baki prinsipal baru anda adalah seperti berikut: **Faedah/caj keuntungan terakru 6 bulan** + **Baki pinjaman/pembiayaan tertunggak** (pada 31 Mac 2020).<br><br>Faedah/caj keuntungan akan dicaj berdasarkan baki prinsipal baru. |
| Tempoh | Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan. | Tempoh pinjaman/pembiayaan akan dilanjutkan mengikut perjanjian variasi anda. |
| Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini. | ✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan.<br>✓<br>✓ Pembayaran anda akan bermula pada Januari 2021. | Anda mendapat kelegaan dalam jangka masa yang pendek kerana hanya perlu membayar amaun yang lebih kecil.<br><br>Dalam jangka masa yang lebih panjang, anda membayar lebih kerana sebab-sebab yang berikut:<br>✓ Faedah/caj keuntungan anda sepanjang 6 bulan yang lepas telah terakru.<br>✓ Anda akan membayar untuk tempoh yang lebih panjang. |



*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*